

Aplikasi Finlite bantu remaja tingkat literasi kewangan

Oleh [Irwan Shafrizan Ismail](#) - April 11, 2022 @ 12:44pm

bhnews@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Sekumpulan penyelidik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menghasilkan inovasi aplikasi mudah alih yang sesuai untuk meningkatkan kesedaran literasi kewangan dan membantu pelajar menghasilkan belanjawan peribadi.

Aplikasi mudah alih, Finlite, itu dibangunkan kumpulan penyelidik Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) UPSI diketuai Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi FPE, Prof Madya Dr Khoo Yin Yin.

Dr Khoo berkata, inovasi itu mempunyai kelebihan berbanding aplikasi mudah alih lain dalam pasaran kerana menyelitkan lakonan watak, bercirikan budaya remaja dan gaya kehidupan Malaysia.

Katanya, aplikasi menggabungkan sukatan mata pelajaran ekonomi Tingkatan Empat dengan konsep literasi kewangan itu antara lain bagi membantu pelajar menghasilkan belanjawan peribadi dan meningkatkan kesedaran literasi kewangan.

"Aplikasi mudah-alih Finlite terbukti dapat membantu pemahaman dan penggunaan konsep literasi kewangan dalam kalangan pelajar sekolah.

"Secara tidak langsung melatih mereka menjadi warga negara yang lebih bertanggungjawab serta berkemahiran dalam penyediaan belanjawan peribadi," katanya dalam kenyataan hari ini.

Aplikasi itu adalah hasil kajian dua tahun menerusi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) bersama rakan penyelidik, Prof Madya Dr Rohaila Yusof dan Prof Madya Dr Zainizam Zakariya serta ahli Malaysia Financial Planning Council (MFPC), Prof Dr Stanley Yap Peng Lok.

Khoo berkata, Finlite juga melatih pelajar menyusun keutamaan dalam berbelanja selain dipakejkan bersama video ringkas bertujuan memberi pengajaran tentang kepentingan mengawal perbelanjaan.

"Video ini mengenengahkan corak perbelanjaan remaja masa kini serta soalan penyelesaian masalah bagi menguji kefahaman pelajar terhadap penyediaan belanjawan peribadi.

"Finlite boleh digunakan dalam bilik darjah dan selepas kelas sebagai membantu pelajar memahami konsep ekonomi disamping meningkatkan literasi kewangan mereka," katanya.

Tambah penyelidik itu, Finlite mempunyai pelbagai fungsi termasuk nota ekonomi, kuiz, video, forum, kalkulator kewangan yang khas direka mengikut corak perbelanjaan pelajar sekolah menengah.

"Finlite juga mempunyai pelbagai kelebihan seperti pelajar dapat daftar masuk dengan kod QR dan dapat menonton video untuk pemahaman konsep ekonomi.

"Aplikasi mendapat hak cipta dan pernah menerima anugerah emas di International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2021 bukan sahaja mempunyai elemen mesinkira, malahan dapat membantu pembelajaran konsep ekonomi," katanya.

Sementara itu, Penyelaras (Unit Pengkomersilan) Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) UPSI, Ts Dr Kesavan Nallaluthan, mengalukan-alukan mana-mana pihak swasta yang ingin berkolaborasi memasarkan aplikasi terbabit.